




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 44/2021 dari 31 Oktober hingga 6 November 2021)


Pada minggu ke-44, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 5 kes (1.3%), menjadikan jumlah kes 394 berbanding 399 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-44. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 22,101 kes berbanding 82,753 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 60,652 kes (73.3%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 17 kematian berbanding 133 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 116 kematian (87.2%) **(Lampiran A & C)**. Lokaliti hotspot pada minggu ke-44 telah berkurang sebanyak dua (2) lokaliti menjadikan sejumlah tujuh (7) lokaliti hotspot dilaporkan berbanding sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari jumlah tersebut, empat (4) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, dua (2) lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sabah. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 27 kes pada minggu ke-44 yang mana 11 kes dari Selangor, sembilan (9) kes dari WPKL & Putrajaya, masing-masing tiga (3) kes dari Negeri Sembilan dan Kelantan serta satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,221 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,341 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Bermula bulan November, negara mula memasuki musim Monson Timur Laut yang menyebabkan kejadian banjir di beberapa kawasan. Oleh itu masyarakat perlu bersiap-siaga dan mengambil langkah proaktif pencegahan dan kawalan Denggi sebelum berlaku banjir, semasa banjir dan selepas berakhirnya banjir. Bagi kawasan yang seringkali mengalami kejadian banjir, pastikan tiada sebarang bekas berpotensi menakung air di persekitaran rumah untuk mengelakkan takungan air banjir yang boleh menjadi tempat nyamuk Aedes membiak. Selain itu, periksa dan pastikan palong air hujan (*rain gutter*) di bumbung rumah tidak tersumbat oleh sampah sarap yang akhirnya akan menjadi tempat pembiakan Aedes. Sebagai langkah pencegahan tambahan, pasang jaring di tingkap untuk mencegah nyamuk masuk ke dalam rumah, gunakan penghalau nyamuk elektrik serta gunakan bahan repelan untuk mencegah dari digigit nyamuk. Jangan alpa, nyamuk Aedes tidak memilih mangsa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 November 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 43 dan ke- 44 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 44 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-44 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 44/2021
(31 Oktober hingga 6 November 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 44/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 44/2020	
		Minggu 44 (31 Oktober – 6 November 2021)		Minggu 43 (24 Oktober – 30 Oktober 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	79	0
2	Kedah	12	0	8	0	449	1	737	0
3	P. Pinang	8	0	7	0	338	0	910	2
4	Perak	7	0	4	0	491	1	2,533	3
5	Selangor	245	0	233	0	13,178	2	41,179	36
6	WP KL & Putrajaya	41	0	53	0	2,698	2	9,688	7
7	N. Sembilan	10	0	12	0	522	1	2,672	8
8	Melaka	8	0	7	0	526	0	2,462	7
9	Johor	13	1	22	0	1,536	3	10,352	39
10	Pahang	6	0	4	0	379	2	2,877	8
11	Terengganu	0	0	0	0	36	0	362	0
12	Kelantan	4	0	3	0	186	0	3,768	6
13	Sarawak	9	0	7	0	332	0	1,426	2
14	Sabah	30	0	39	0	1,405	5	3,702	15
15	WP Labuan	1	0	0	0	5	0	6	0
	MALAYSIA	394	1	399	0	22,101	17	82,753	133

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 44/2021
(31 Oktober hingga 6 November 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	16	65
2	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi(Jalan Kedah)	27	54
3	SABAH	Kota Kinabalu	Taman Kuala Menggatal	16	44
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	15	44
5	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	17	37
6	WPKL	Lembah Pantai	Tmn Salak Selatan E (Jln Perkasa, Jln Perkasa 2-10, Jln Laksamana, Jln Bendahara)	9	36
7	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	12	35

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 44/2021 (6 November 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	125
		Kota Setar	2	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	41
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	17	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	11	11
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	34	63
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	20	

9.	Selangor	Gombak	128	261
		Hulu Langat	69	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	414
		Kepong	130	
		Lembah Pantai	61	
		Titivangsa	172	
JUMLAH KUMULATIF			1,221	